



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


2 APRIL 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 234 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 367,913 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Tenom. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 672 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 352,404 orang. Manakala 289 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 273 orang di hospital, 14 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, satu (1) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS)/Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 32 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 21 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan angka jangkitan baharu sebanyak 234 kes hari ini, penurunan sebanyak 36 kes berbanding semalam.
- b. Hampir keseluruhan daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka pada julat satu (1) angka sahaja pada nisbah 12 daerah mencatatkan penurunan, 10 daerah mencatatkan pertambahan kes baharu dan lima (5) daerah tidak mencatatkan perubahan angka seperti sebelumnya.
- c. Dua (2) daerah mencatatkan penyusutan kes dua (2) angka, iaitu Penampang (-20 kes) dan Kota Kinabalu (-13 kes). Penyusutan kes baharu di dua (2) daerah ini menjadi faktor utama yang meyumbang jumlah kes harian yang lebih rendah di negeri Sabah pada hari ini.
- d. Secara keseluruhan, lapan (8) daerah merekodkan kes dua (2) angka dengan Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi dengan 58 kes, Sandakan 22 kes, Papar 18 kes, Penampang 18 kes, Beaufort 18 kes, Tuaran 16 kes, Tawau 11 kes dan Putatan 10 kes. Sebanyak 16 daerah lagi mencatatkan kes satu (1) angka dan tiga (3) daerah iaitu Beluran, Nabawan dan Tongod tidak mencatatkan sebarang kes baharu.
- e. Satu (1) kluster pendidikan ditamatkan oleh pihak JKNS pada hari ini iaitu Kluster Bukit Langsat di Keningau. Jumlah kluster yang masih aktif di Sabah ialah dua (2) kluster.
- f. Seramai 226 orang atau 96.59% daripada 236 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2. Empat (4) orang berada dalam Kategori 3, tiga (3) orang dalam Kategori 4 dan seorang (1) pesakit dalam Kategori 5 hari ini.
- g. Selamat menyambut bulan Ramadhan kepada seluruh umat Islam yang akan mula menjalani ibadah puasa pada esok hari.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	69	29.49%
3	Bergejala	119	50.85%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	46	19.66%
JUMLAH		234	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (1 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 1/04/2022	Catatan Kes 2/04/2022	Perbandingan
1	Beaufort	10	18	+8
2	Sandakan	15	22	+7
3	Kuala Penyu	2	7	+5
4	Keningau	5	9	+4
5	Tawau	8	11	+3
6	Kunak	2	4	+2
7	Tuaran	15	16	+1
8	Kota Belud	3	4	+1
3	Telupid	0	1	+1
10	Ranau	4	5	+1
11	Kalabakan	1	1	Mendatar
12	Tongod	0	0	Mendatar
13	Kota Marudu	6	6	Mendatar
14	Pitas	6	6	Mendatar
15	Nabawan	0	0	Mendatar
16	Penampang	38	18	-20
17	Kota Kinabalu	71	58	-13
18	Tambunan	10	1	-9
19	Papar	26	18	-8
20	Sipitang	11	6	-5
21	Tenom	6	2	-4
22	Putatan	12	10	-2
23	Semporna	3	1	-2
24	Beluran	2	0	-2
25	Lahad Datu	5	3	-2
26	Kudat	7	6	-1
27	Kinabatangan	2	1	-1
JUMLAH		270	234	-36

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	12	33	0	13	58	1127
Sandakan	0	15	6	0	1	22	201
Penampang	0	4	12	0	2	18	418
Papar	0	5	13	0	0	18	363
Beaufort	0	5	9	0	4	18	189
Tuaran	0	10	5	0	1	16	332
Tawau	0	1	3	0	7	11	125
Putatan	0	4	6	0	0	10	198
Keningau	0	1	4	0	4	9	157
Kuala Penyu	0	4	2	0	1	7	100
Kota Marudu	0	1	3	0	2	6	151
Pitas	0	1	5	0	0	6	83
Kudat	0	0	3	0	3	6	83
Sipitang	0	3	2	0	1	6	90
Ranau	0	1	3	0	1	5	98
Kota Belud	0	1	3	0	0	4	97
Kunak	0	1	3	0	0	4	31
Lahad Datu	0	0	1	0	2	3	70
Tenom	0	0	2	0	0	2	80
Telupid	0	0	0	0	1	1	21
Tambunan	0	0	0	0	1	1	94
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	49
Semporna	0	0	0	0	1	1	7
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	12
Beluran	0	0	0	0	0	0	60
Tongod	0	0	0	0	0	0	9
Nabawan	0	0	0	0	0	0	12
JUMLAH	0	69	119	0	46	234	4257

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 2,977 unit.
- Hospital 1,384 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,353 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 9.71%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 APRIL 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	228
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	234

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
Selangor	1
Sarawak	1
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	212
Bukan Malaysia	22
Jumlah	234

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	20
Belum Menerima Vaksin (5-11)	8
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	11
Menerima 1 Dos	9
Lengkap 2 Dos	93
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	93
Jumlah	234

Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1-4	18
5 -11	17
12-17	11
18-29	58
30-39	58
40-49	32
50-59	14
60-69	11
70-79	8
80-89	4
>90	1
Jumlah	234

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 1 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,966 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,099 orang adalah penduduk dewasa, 84 orang adalah penduduk remaja dan 783 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 1 April 2022 adalah seramai 2,562,978 orang. Ini meliputi 2,132,977 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.52% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,407,686 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,535 orang atau 76.95% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,560 orang atau 78.03% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,941 atau 74.36% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 97,441 atau 23.69% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **684,837** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 203 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 84 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan empat (4) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 (JPDS 2002).
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 892 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 204 premis perniagaan dan 269 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK..
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 47 di Premis Perniagaan melibatkan 30 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 21 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 125 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.6%
2	Beluran	98.6%
3	Kota Belud	98.5%
4	Ranau	98.5%
5	Kinabatangan	98.5%
6	Kota Marudu	98.5%
7	Kudat	98.4%
8	Kunak	98.4%
9	Tenom	98.3%
10	Kota Kinabalu	98.2%
11	Sipitang	98.2%
12	Lahad Datu	98.2%
13	Keningau	98.2%
14	Penampang	98.2%
15	Tawau	98.1%
16	Sandakan	98.1%
17	Beaufort	98.1%
18	Tuaran	98.1%
19	Papar	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II